

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG-BN]**

TARIKH : 9 NOV 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 43)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan hasil keseluruhan Program Podium dan apakah kesinambungan program berkenaan dalam usaha meraih pingat emas Olimpik pertama negara di Olimpik Tokyo 2020.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Program Podium baru menjangkau tempoh 8 bulan, keberkesanan yang dapat dilihat setakat ini adalah melalui kerjasama antarabangsa dengan '*Centre of Excellence Leipzig Olympic Stuetzpunkt*', dimana kerjasama tersebut telah membantu atlet lontar peluru paralimpik negara, Muhammad Ziyad Zolkefli mendapatkan latihan di bawah kendalian jurulatih terkenal Jerman, Lothar Tischendorf. Latihan tersebut penting bagi beliau dalam memantapkan persembahannya dari segi teknik lontaran yang sempurna yang membantu beliau bagi meraih pingat emas dalam acara tersebut.
2. Selain itu, keberkesanan pengurusan kecederaan secara optimum dan penyediaan perlindungan perubatan kepada atlet semasa latihan dan pertandingan telah membantu mempercepatkan pemulihan atlet dan seterusnya bertanding di Olimpik Rio.
3. Walau bagaimanapun, ukuran yang lebih tepat dari aspek keberkesanan program ini secara keseluruhan hanya dapat dilihat pada Sukan Komanwel 2018, Sukan Asia 2018 dan Sukan Olimpik Tokyo 2020.
4. Program Podium adalah penting dalam usaha meraih pingat emas pertama dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020 kerana pelan perancangan jangka panjang untuk pembangunan atlet Podium memerlukan sistem sokongan yang lebih menyeluruh, terperinci

SULIT

dan saintifik, di mana semua faktor penyumbang akan dipertimbangkan demi melahirkan lebih ramai atlet Podium untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

5. Selain itu, perkhidmatan sokongan secara intensif yang disalurkan melalui program Podium sebelum dan semasa temasya Olimpik Rio, merupakan salah satu faktor yang dapat membantu dalam membuat perancangan dan penyediaan untuk menghadapi Olimpik Tokyo 2020 dengan lebih sempurna.
6. Di samping itu, kejayaan di Rio dijadikan penanda aras dan pembakar semangat untuk atlet muda membina masa depan sukan negara yang lebih cemerlang dan gemilang seterusnya merealisasikan kilauan pingat emas pertama di Olimpik Tokyo 2020.

Sekian, terima kasih.